



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 3/2011**

**TARIKH KELUARAN: 10 MAC 2011**



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Pendahuluan	1
2. Peruntukan berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Definisi syarikat pemegang pelaburan	1
5. Definisi perniagaan pemegangan pelaburan	1 - 2
6. Penentuan syarikat pemegang pelaburan	2 - 8
7. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan	8
8. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia	8 - 15
9. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia	15 - 25
10. Elaun modal / elaun bangunan industri	25
11. Tarikh kuat kuasa	25

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan layanan cukai berhubung dengan syarikat pemegang pelaburan yang bermastautin di Malaysia.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah perenggan 4(a), 4(d), 4(f), 8(1)(b) dan 8(1)(c), seksyen 43, 44, 60F dan 60FA dan perenggan 75, Jadual 3.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
  - 3.1 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia seperti mana ditentukan di bawah perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP.
  - 3.2 “Harta tanah” termasuk mana-mana tanah dan kepentingan, opsiyen atau hak lain dalam atau atas tanah tersebut dan termasuk mana-mana bangunan atas tanah.
  - 3.3 “Penyewaan harta tanah” bermaksud mengizinkan kegunaan harta tanah atau membenarkan harta tanah itu diduduki di bawah suatu perjanjian atau terma kontrak dan termasuk penyewaan sebahagian daripada harta tanah yang dimiliki atau disewa.
4. **Definisi syarikat pemegang pelaburan**
  - 4.1 Syarikat pemegang pelaburan (IHC) bermaksud suatu syarikat yang aktiviti utamanya adalah terutamanya dalam pemegangan pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar (sama ada dikecualikan atau tidak) selain daripada pendapatan kasar dari punca perniagaan pemegangan pelaburan adalah daripada pemegangan pelaburan tersebut.
  - 4.2 Definisi ini diperuntukkan di bawah subseksyen 60F(2) ACP mulai tahun taksiran 2006.
5. **Definisi perniagaan pemegangan pelaburan**
  - 5.1 Perniagaan pemegangan pelaburan bermaksud perniagaan penyewaan harta tanah di mana syarikat dalam mana-mana tahun taksiran menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan berhubung harta tanah tersebut.
  - 5.2 Definisi ini diperuntukkan di bawah subseksyen 60F(2) ACP mulai tahun taksiran 2006.
  - 5.3 Perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan hendaklah disediakan secara komprehensif dan aktif.

5.3.1 Perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan disediakan secara komprehensif bermaksud perkhidmatan meliputi:

- (a) melaksanakan secara am semua kerja yang perlu dilakukan (contohnya kerja membersihkan atau pembaikan) untuk penyelenggaraan dan pengurusan harta tanah seperti struktur bangunan, tangga, tangga kecemasan, laluan masuk dan keluar, lobi, koridor, lif/eskalator, kawasan halaman, longkang, tangki air, pembetung, saluran paip, pendawaian, kabel atau lekapan dan kelengkapan lain; dan
- (b) melaksanakan secara am semua kerja yang perlu dilakukan untuk penyelenggaraan dan pengurusan bahagian luar harta tanah seperti taman permainan, kawasan rekreasi, jalan masuk, tempat letak kereta, kawasan lapang, lanskap, dinding dan pagar, lampu bahagian luar atau lekapan dan kelengkapan luar yang lain.

Sekiranya seseorang hanya menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan atau kemudahan lain, maka orang itu tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara komprehensif.

5.3.2 Penyediaan perkhidmatan secara aktif bermaksud orang yang memiliki atau yang menyewakan harta tanah:

- (a) menyediakan sendiri; atau
- (b) mengupah firma atau orang lain untuk menyediakan

perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan yang dimaksudkan dalam perenggan 5.3.1 Ketetapan ini.

5.4 Mulai tahun taksiran 2011, penentuan sama ada pendapatan daripada penyewaan harta tanah merupakan suatu punca perniagaan atau bukan perniagaan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Ketetapan Umum No. 4/2011 (Pendapatan Daripada Sewaan Harta Tanah). Bagi tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2011, Ketetapan Umum No. 1/2004 hendaklah dirujuk.

## 6. Penentuan syarikat pemegang pelaburan

6.1 Secara amnya, penentuan sama ada suatu syarikat merupakan IHC bergantung kepada 2 kriteria berikut:

- (a) aktiviti utama syarikat adalah pemegangan pelaburan; dan
- (b) tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat (sama ada dikecualikan atau tidak) adalah daripada pemegangan pelaburan tersebut.

**Contoh 1:**

Jordan Lee Investment Sdn Bhd (JLISB) memulakan perniagaan dalam tahun 2006 dan aktiviti utamanya adalah pelaburan dalam beberapa syarikat dan simpanan tetap. JLISB menerima pendapatan dividen hasil pelaburan dalam syarikat tersebut dan faedah simpanan tetap dalam tahun 2008. JLISB menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

*JLISB merupakan IHC bagi tahun taksiran 2008 kerana aktiviti utamanya adalah memegang pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasarnya (dividen dan faedah sahaja) adalah daripada pemegangan pelaburan tersebut.*

**Contoh 2:**

Sawit Sdn Bhd memulakan perniagaan dalam tahun 2007 dan aktiviti utamanya adalah perladangan kelapa sawit. Di samping itu, Sawit Sdn Bhd juga melabur dalam beberapa syarikat dan simpanan tetap di beberapa bank. Dalam tahun 2008, syarikat menerima faedah berjumlah RM10,000 hasil daripada simpanan tetap tersebut. Syarikat belum lagi memperoleh pendapatan daripada aktiviti perladangan. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

*Walaupun pendapatan Sawit Sdn Bhd adalah 100% diperolehi daripada simpanan dalam simpanan tetap, Sawit Sdn Bhd bukan merupakan IHC bagi tahun taksiran 2008 kerana aktiviti utamanya bukan pemegangan pelaburan tetapi perladangan kelapa sawit.*

**Contoh 3:**

Pelaburan Mekar Sdn Bhd (PMSB) memulakan operasi dalam tahun 2008 dan aktiviti utamanya adalah pelaburan dalam 10 syarikat berkaitan. PMSB menerima pendapatan dividen sebanyak RM10,000 hasil daripada pelaburan tersebut dalam tahun 2009. Selain pendapatan dividen, PMSB juga menerima fi pengurusan daripada syarikat-syarikat berkaitan sebanyak RM20,000 dalam tahun 2009. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

*Walaupun aktiviti utama PMSB adalah pemegangan pelaburan, PMSB bukan merupakan IHC bagi tahun taksiran 2009 kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah kurang 80% daripada pendapatan kasarnya.*

- 6.2 Kriteria tambahan dalam penentuan IHC ialah apa-apa amaun pendapatan kasar daripada perniagaan pemegangan pelaburan tidak akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada pemegangan pelaburan. Oleh itu hanya pendapatan daripada faedah, dividen dan sewa di bawah perenggan 4(d) ACP diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada pemegangan pelaburan. Contoh pengiraan peratusan pendapatan pemegangan pelaburan adalah seperti berikut:

**Contoh 4:**

Punca Pendapatan	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat D	Syarikat E
Sewa (perniagaan)	85,000	20,000	-	50,000	20,000
Sewa (bukan perniagaan)	-	-	75,000	20,000	30,000
Dividen	5,000	50,000	10,000	10,000	20,000
Faedah	10,000	30,000	5,000	20,000	20,000
Fi Perkhidmatan pengurusan	-	-	10,000	-	10,000
Jumlah pendapatan kasar	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
Peratusan pendapatan pemegangan pelaburan	$\frac{15,000}{100,000}$ 15%	$\frac{80,000}{100,000}$ 80%	$\frac{90,000}{100,000}$ 90%	$\frac{50,000}{100,000}$ 50%	$\frac{70,000}{100,000}$ 70%
IHC atau bukan	Bukan	IHC	IHC	Bukan	Bukan

- (a) *Syarikat A, D dan E adalah bukan IHC kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat tersebut.*
- (b) *Syarikat B dan C merupakan IHC kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat tersebut.*

6.3 Sekiranya syarikat merupakan bukan IHC dalam suatu tahun taksiran tetapi pendapatan kasar daripada sewa (perniagaan pemegangan pelaburan) berkurangan dalam tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran berikut disebabkan pemberhentian penyewaan sementara kerana keadaan berikut:

- (a) pembaikan atau pengubahsuaian bangunan;
- (b) ketiadaan penyewa untuk tempoh 2 tahun selepas penamatan penyewaan;
- (c) arahan guaman atau kuasa rasmi lain; atau

(d) keadaan lain di luar kawalan syarikat;

syarikat masih dianggap sebagai bukan IHC untuk tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran berikut walaupun pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat.

**Contoh 5:**

Pendapatan Mega Central Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2007 hingga 2011 adalah seperti di bawah. Pendapatan sewa (perniagaan) berkurangan dalam tahun taksiran 2010 disebabkan premis tidak disewakan untuk beberapa bulan semasa syarikat membuat pembaikan ke atas premis itu.

Punca pendapatan	Tahun taksiran 2007	Tahun taksiran 2008	Tahun taksiran 2009	Tahun taksiran 2010	Tahun taksiran 2011
Sewa (perniagaan)	60,000	50,000	30,000	10,000	70,000
Sewa (bukan perniagaan)	10,000	20,000	20,000	20,000	20,000
Dividen	10,000	10,000	20,000	20,000	20,000
Faedah	20,000	20,000	20,000	20,000	10,000
Jumlah pendapatan kasar	100,000	100,000	90,000	70,000	120,000
Peratusan pendapatan pemegangan pelaburan	$\frac{40,000}{100,000}$ 40%	$\frac{50,000}{100,000}$ 50%	$\frac{60,000}{90,000}$ 66%	$\frac{60,000}{70,000}$ 85%	$\frac{50,000}{120,000}$ 42%
IHC atau bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan

*Dalam tahun taksiran 2010, disebabkan pengurangan pendapatan daripada sewa (perniagaan), pendapatan daripada pemegangan pelaburan menjadi lebih 80% daripada pendapatan kasar syarikat. Walau bagaimanapun syarikat masih dianggap bukan IHC kerana pengurangan pendapatan daripada sewa (perniagaan) adalah disebabkan pemberhentian penyewaan sementara kerana kerja pembaikan.*

**Contoh 6:**

Nova Sdn Bhd menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan sewa (perniagaan) diperoleh daripada penyewaan lot pejabat di satu bangunan 4 tingkat. Pada 1.5.2009, penyewaan sebahagian besar lot pejabat

tamat dan syarikat hanya berjaya mendapat penyewa baru pada 1.5.2011 (ketiadaan penyewa untuk tempoh 24 bulan). Oleh itu pendapatan sewa (perniagaan) berkurangan dalam tahun taksiran 2009, 2010 dan 2011. Pendapatan Nova Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2007 hingga 2011 adalah seperti di bawah:

Punca pendapatan	Tahun taksiran 2007	Tahun taksiran 2008	Tahun taksiran 2009	Tahun taksiran 2010	Tahun taksiran 2011
Sewa (perniagaan)	160,000	160,000	50,000	30,000	50,000
Sewa (bukan perniagaan)	90,000	90,000	90,000	90,000	90,000
Dividen	90,000	90,000	90,000	70,000	80,000
Faedah	30,000	40,000	50,000	30,000	40,000
Jumlah pendapatan kasar	370,000	380,000	280,000	220,000	260,000
Peratusan pendapatan pemegangan pelaburan	$\frac{210,000}{370,000}$ 57%	$\frac{220,000}{380,000}$ 58%	$\frac{230,000}{280,000}$ 82%	$\frac{190,000}{220,000}$ 86%	$\frac{210,000}{260,000}$ 81%
IHC atau bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan

*Dalam tahun taksiran 2009, 2010 dan 2011, pendapatan pemegangan pelaburan adalah lebih 80% daripada pendapatan kasar syarikat disebabkan pengurangan pendapatan daripada sewa (perniagaan) akibat daripada ketiadaan penyewa untuk sebahagian besar lot pejabat. Oleh kerana ketiadaan penyewa adalah untuk tempoh 24 bulan, penyewaan dianggap terhenti sementara dan oleh itu syarikat masih dianggap bukan IHC bagi tahun taksiran 2009, 2010 dan 2011.*

**Contoh 7:**

Fakta seperti dalam contoh 6 kecuali Nova Sdn Bhd hanya berjaya mendapat penyewa baru pada 1.7.2011 (ketiadaan penyewa untuk tempoh 26 bulan).

*Nova Sdn Bhd dianggap bukan IHC bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 memandangkan ketiadaan penyewa dalam kedua-dua tahun taksiran itu (20 bulan) masih dalam tempoh 24 bulan. Manakala baki 6 bulan yang menyebabkan tempoh ketiadaan penyewa menjadi lebih 24 bulan jatuh dalam*



*tahun taksiran 2011. Oleh kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan lebih 80% daripada pendapatan kasar, Nova Sdn Bhd adalah IHC bagi tahun taksiran 2011.*

- 6.4 Mana-mana syarikat yang telah ditentukan sebagai IHC dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran akan dianggap sebagai IHC dalam tahun-tahun taksiran berikut. Walau bagaimanapun, layanan ini tidak terpakai jika syarikat dapat membuktikan bahawa ia bukan lagi merupakan IHC dalam tahun taksiran berkaitan.

**Contoh 8:**

Syarikat Nassa Sdn Bhd (SNSB) mula beroperasi dalam tahun 2008 dan aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan. Dalam bulan November 2009, SNSB menjual semua pelaburan kecuali simpanan tetap untuk digunakan sebagai modal bagi memulakan perniagaan menjual telefon bimbit dalam tahun 2010 sebagai aktiviti utama. Dalam bulan Oktober 2010, SNSB melabur semula dalam beberapa syarikat. Pendapatan SNSB untuk tahun taksiran 2008, 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

Punca Pendapatan	Tahun Taksiran 2008	Tahun Taksiran 2009	Tahun Taksiran 2010	Tahun Taksiran 2011
Perniagaan	-	-	30,000	10,000
Sewa (bukan perniagaan)	24,000	24,000	12,000	30,000
Dividen	10,000	-	-	24,000
Faedah	5,000	5,000	13,000	15,000
Jumlah pendapatan kasar	39,000	29,000	55,000	79,000
Peratusan pendapatan pemegangan pelaburan	<u>39,000</u> 39,000	<u>29,000</u> 29,000	aktiviti utama syarikat – menjual telefon bimbit	aktiviti utama syarikat – menjual telefon bimbit
IHC atau bukan	IHC	IHC		

*SNSB merupakan IHC bagi tahun taksiran 2008 dan 2009 kerana aktiviti utama adalah pemegangan pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar SNSB adalah daripada pemegangan pelaburan. Walau*

*bagaimanapun, SNSB bukan IHC dalam tahun taksiran 2010 kerana aktiviti utama bukan lagi pemegangan pelaburan tetapi telah bertukar kepada perniagaan menjual telefon bimbit. SNSB masih kekal sebagai bukan IHC dalam tahun taksiran 2011 (walaupun pendapatan daripada pemegangan pelaburan melebihi 80% daripada pendapatan kasar) kerana SNSB masih menjalankan perniagaan menjual telefon bimbit sebagai aktiviti utama.*

*Nota: Sekiranya perniagaan menjual telefon bimbit bukan aktiviti utama syarikat tetapi hanya aktiviti sampingan yang tidak dijalankan secara aktif, syarikat adalah IHC dalam tahun taksiran 2010 dan 2011 jika tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat adalah daripada pemegangan pelaburan.*

**7. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan**

Layanan cukai bagi IHC bergantung kepada sama ada IHC tersenarai atau tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Layanan cukai khusus bagi IHC diperuntukkan di bawah:

- (a) seksyen 60F ACP bagi IHC tidak tersenarai di Bursa Malaysia; dan
- (b) seksyen 60FA ACP bagi IHC tersenarai di Bursa Malaysia.

**8. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia – seksyen 60F ACP**

- 8.1 Apa-apa pendapatan yang diterima daripada pemegangan pelaburan [faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan) dan sewa (perniagaan pemegangan pelaburan)] dianggap sebagai punca bukan perniagaan. Manakala pendapatan selain pendapatan daripada pemegangan pelaburan dianggap sebagai punca pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP.

**Contoh 9:**

Fakta seperti di Contoh 4 (Jadual). Andaikan kesemua syarikat A hingga E tidak tersenarai di Bursa Malaysia.

*Berdasarkan penentuan IHC, syarikat B dan C merupakan IHC. Oleh kerana kedua-dua syarikat tidak tersenarai di Bursa Malaysia, peruntukan seksyen 60F ACP terpakai.*

*Bagi syarikat B dan C, dividen dan faedah ditaksir sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(c) ACP, manakala sewa (bukan perniagaan) dan sewa (perniagaan pemegangan pelaburan) ditaksir sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(d) ACP. Fi perkhidmatan pengurusan akan ditaksir sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP.*

8.2 Perbelanjaan dibenarkan

8.2.1 Dalam menentukan jumlah pendapatan IHC bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun perbelanjaan dibenarkan (*permitted expenses*) yang ditentukan mengikut formula yang ditetapkan boleh dibenarkan tolakan daripada pendapatan agregat IHC.

8.2.2 Perbelanjaan dibenarkan yang dilakukan oleh IHC terdiri daripada:

- (a) fi pengarah;
- (b) upah, gaji dan elaun;
- (c) fi pengurusan;
- (d) fi setiausaha, audit dan perakaunan, bayaran telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos; dan
- (e) sewa dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penyelenggaraan pejabat.

8.2.3 Formula yang ditetapkan bagi menentukan amaun perbelanjaan dibenarkan yang boleh diberi tolakan ialah seperti berikut:

$$A \times \frac{B}{4C}$$

di mana:

- A ialah jumlah perbelanjaan dibenarkan yang dilakukan dalam suatu tempoh asas ditolak dengan penerimaan yang sama;
- B ialah pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen, faedah dan sewa yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tempoh asas;
- C ialah agregat pendapatan kasar daripada dividen (sama ada dikecualikan atau tidak), faedah dan sewa, dan keuntungan daripada realisasi pelaburan bagi suatu tempoh asas.

8.2.4 Amaun yang boleh diberi potongan tidak boleh melebihi 5% daripada pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen, faedah dan sewa bagi tempoh asas tersebut.

Nota: Mulai tahun taksiran 2011, "dividen" dianggap termasuk pendapatan diagihkan oleh unit amanah.

**Contoh 10:**

Pendapatan kasar Suria Property Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2011 adalah seperti berikut:

Pendapatan	(RM)
Faedah	30,000
Sewa	50,000
Fi perkhidmatan pengurusan	35,000
Agihan pendapatan daripada amanah pelaburan harta tanah (REIT)	20,000
Agihan pendapatan daripada unit amanah	15,000
Keuntungan realisasi pelaburan	100,000

Perbelanjaan dibenarkan yang dituntut adalah seperti berikut:

Perbelanjaan dibenarkan yang dituntut	(RM)
Fi pengarah	24,000
Gaji dan elaun	16,000
Fi pengurusan	5,000
Fi audit	4,000

i. Amaun A, B dan C adalah seperti berikut:

<i>Fi pengarah</i>	24,000	
<i>Gaji dan elaun</i>	16,000	
<i>Fi pengurusan</i>	5,000	
<i>Fi audit</i>	<u>4,000</u>	
	<u>49,000</u>	<b>(A)</b>
<i>Faedah</i>	30,000	
<i>Sewa</i>	50,000	
<i>Agihan pendapatan daripada REIT</i>	20,000	
<i>Agihan pendapatan daripada unit amanah</i>	<u>15,000</u>	
	<u>115,000</u>	<b>(B)</b>

---

<i>Faedah</i>	30,000
<i>Sewa</i>	50,000
<i>Agihan pendapatan daripada REIT</i>	20,000
<i>Agihan pendapatan daripada unit amanah</i>	15,000
<i>Keuntungan realisasi pelaburan</i>	<u>100,000</u>
	<u>215,000 (C)</u>

- ii. *Amaun perbelanjaan dibenarkan yang ditentukan mengikut formula adalah:*

$$\left[ A \times \frac{B}{4C} \right] = 49,000 \times \frac{115,000}{4 \times 215,000} = 6,552$$

*dibandingkan dengan 5% daripada pendapatan dividen, faedah dan sewa.*

$$(5\% \times 115,000) = 5,750, \text{ yang mana lebih rendah.}$$

*Oleh itu amaun perbelanjaan dibenarkan yang boleh diberi tolakan adalah RM 5,750.*

### 8.3 Pendapatan dividen satu peringkat

8.3.1 Mulai tahun taksiran 2008, pendapatan dividen satu-peringkat dikecualikan cukai dan perbelanjaan yang berkaitan dengan perolehan dividen ini hendaklah diabaikan. Ini juga terpakai kepada IHC. Oleh itu, bahagian perbelanjaan dibenarkan yang berkaitan dengan pendapatan dividen satu peringkat hendaklah diabaikan dalam menentukan perbelanjaan dibenarkan yang boleh diberi tolakan daripada pendapatan agregat IHC.

8.3.2 Mulai tahun taksiran 2008, pendapatan berkanun dari dividen (*franked dividend*) yang diterima oleh syarikat kecuali IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia dianggap jumlah pendapatan atau sebahagian daripada jumlah pendapatan syarikat. Oleh itu jika punca pendapatan IHC hanya dividen, perbelanjaan dibenarkan tidak boleh diberi tolakan.

#### Contoh 11:

Pendapatan kasar Muhibbah Sdn Bhd (IHC) untuk tahun taksiran 2011 adalah seperti berikut:

Pelaburan	Kos pelaburan	Pendapatan	(RM)
Pelaburan 1	800,000	Dividen	120,000
Pelaburan 2	600,000	Dividen (satu peringkat - dikecualikan)	100,000
Pelaburan 3	500,000	Dividen (dikecualikan)	80,000
Simpanan tetap	100,000	Faedah simpanan tetap	15,000
Pelaburan dalam Bintang REIT	500,000	Agihan pendapatan daripada Bintang REIT	90,000
-	-	Fi perkhidmatan pengurusan	35,000
-	-	Keuntungan realisasi pelaburan	150,000
Jumlah	2,500,000	Jumlah	590,000

Muhibbah Sdn Bhd telah membuat pinjaman untuk membiayai pelaburan 1, 2 dan 3, simpanan tetap dan pelaburan dalam Bintang REIT. Dalam tahun taksiran 2011, jumlah faedah yang dibayar bagi pinjaman tersebut ialah RM50,000.

Perbelanjaan dibenarkan yang dituntut adalah seperti berikut:

Perbelanjaan dibenarkan yang dituntut	(RM)
Fi pengarah	20,000
Gaji dan elaun	15,000
Fi pengurusan	7,000
Fi audit	5,000
Jumlah	47,000

*i. Amaun perbelanjaan dibenarkan yang ditentukan mengikut formula perlu dikira seperti berikut:*

- a. Tentukan amaun A iaitu perbelanjaan dibenarkan yang tidak termasuk bahagian perbelanjaan dibenarkan yang berkaitan dengan dividen satu peringkat:

	(RM)
Fi pengarah	20,000
Gaji dan elaun	15,000
Fi pengurusan	7,000
Fi audit	<u>5,000</u>
	<u>47,000</u>

$$\left[ \frac{\text{Perbelanjaan dibenarkan} - (\text{Perbelanjaan dibenarkan} \times \frac{\text{pendapatan dividen satu peringkat}}{\text{jumlah pendapatan}})}{\text{jumlah pendapatan}} \right]$$

$$\left[ 47,000 - \left( 47,000 \times \frac{100,000}{555,000} \right) \right] = 38,531 \quad \text{(A)}$$

Dividen	120,000
Faedah simpanan tetap	15,000
Agihan pendapatan daripada REIT	<u>90,000</u>
	<u>225,000</u> (B)

Dividen	120,000
Dividen (dikecualikan)	80,000
Faedah	15,000
Agihan pendapatan daripada REIT	90,000
Keuntungan realisasi pelaburan	<u>150,000</u>
	<u>455,000</u> (C)

- b. Tentukan amaun perbelanjaan dibenarkan yang boleh diberi tolakan:

$$\left[ 38,531 \times \frac{225,000}{4 \times 455,000} \right] = 4,763$$

dibandingkan dengan 5% daripada pendapatan dividen, faedah dan sewa.

$$(5\% \times 225,000) = 11,250, \text{ yang mana lebih rendah.}$$

Oleh itu amaun perbelanjaan dibenarkan yang boleh diberi tolakan adalah RM4,763.

ii. Jumlah pendapatan Muhibbah Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2011 dikira seperti berikut:

	(RM)	(RM)
I. Faedah kasar	15,000	
Tolak:		
Perbelanjaan faedah		
<u>100,000</u> X 50,000	<u>2,000</u>	13,000
2,500,000		
II. Agihan pendapatan daripada REIT	90,000	
Tolak:		
Perbelanjaan faedah		
<u>500,000</u> X 50,000	<u>10,000</u>	80,000
2,500,000		
III. Fi perkhidmatan pengurusan		<u>35,000</u>
Tolak:		128,000
Perbelanjaan dibenarkan		<u>4,763</u>
Jumlah pendapatan		123,237
IV. Dividen kasar	120,000	
Tolak:		
Perbelanjaan faedah		
<u>800,000</u> X 50,000	<u>16,000</u>	
2,500,000		
Pendapatan berkanun		<u>104,000</u>
(Dianggap sebahagian daripada jumlah pendapatan)		
Jumlah pendapatan		<u>227,237</u>

**Contoh 12:**

Ruha Sdn Bhd (IHC) hanya mempunyai pendapatan dividen sebanyak RM20,000 untuk tahun taksiran 2010. Faedah yang dibayar bagi pinjaman



untuk membiayai pelaburan berkenaan adalah RM8,000. Perbelanjaan dibenarkan yang dituntut adalah RM2,000.

*Jumlah pendapatan Ruha Sdn Bhd untuk tahun taksiran 2010 dikira seperti berikut:*

	(RM)
<i>Dividen kasar</i>	20,000
<i>Tolak:</i>	
<i>Perbelanjaan faedah</i>	<u>8,000</u>
<i>Pendapatan berkanun</i> <i>(Dianggap sebagai jumlah pendapatan)</i>	<u>12,000</u>

*Oleh kerana pendapatan berkanun dividen dianggap sebagai jumlah pendapatan, perbelanjaan dibenarkan yang dituntut tidak boleh diberi tolakan.*

- 8.4 Sekiranya tidak terdapat pendapatan agregat atau pendapatan agregat tidak mencukupi untuk menyerap perbelanjaan dibenarkan bagi suatu tahun taksiran, apa-apa lebihan perbelanjaan dibenarkan tidak boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.

**9. Layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia – seksyen 60FA ACP**

- 9.1 Bagi menentukan sama ada syarikat merupakan IHC, perenggan 4, 5 dan 6 dalam Ketetapan ini hendaklah dirujuk. Setelah ditentukan bahawa syarikat merupakan IHC dan syarikat tersebut tersenarai di Bursa Malaysia, layanan cukai yang dijelaskan dalam perenggan ini hendaklah diguna pakai.
- 9.2 Apa-apa pendapatan yang diterima daripada pemegangan pelaburan [faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan dan perniagaan pemegangan pelaburan)] dianggap sebagai punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP. Setiap punca pendapatan tersebut hendaklah ditaksir sebagai satu punca perniagaan yang berasingan.
- 9.3 Walaupun punca pendapatan tersebut dianggap sebagai punca perniagaan dalam menentukan pendapatan larasan dan pendapatan berkanun IHC, layanan khusus yang diperuntukkan di bawah seksyen 60FA ACP hendaklah dipatuhi.
- 9.3.1 Dalam menentukan pendapatan larasan setiap punca perniagaan untuk suatu tahun taksiran:
- (a) tiada potongan perbelanjaan boleh dibenarkan sekiranya punca tersebut tidak menghasilkan pendapatan;

- (b) amaun potongan dibenarkan bagi perbelanjaan langsung adalah terhad kepada amaun pendapatan kasar daripada punca itu bagi tahun taksiran tersebut. Apa-apa lebihan perbelanjaan berkenaan hendaklah diabaikan (tidak boleh diserap oleh mana-mana punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut); dan
- (c) amaun potongan dibenarkan bagi perbelanjaan bersama yang ditentukan berasaskan pendapatan kasar adalah terhad kepada amaun pendapatan kasar daripada punca itu bagi tahun taksiran tersebut. Apa-apa lebihan perbelanjaan berkenaan hendaklah juga diabaikan.

9.3.2 Dalam menentukan pendapatan berkanun setiap punca perniagaan untuk suatu tahun taksiran, elaun di bawah Jadual 3 ACP boleh diberi tetapi terhad kepada amaun pendapatan larasan daripada punca tersebut. Sekiranya tidak terdapat pendapatan larasan atau pendapatan larasan tidak mencukupi untuk menyerap elaun tersebut, apa-apa lebihan elaun tidak boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.

**Contoh 13:**

Era Baru Bhd adalah suatu IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia. Maklumat pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun taksiran 2010 adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan faedah (RM)
Dividen	400,000	350,000
Faedah	200,000	160,000
Sewa	tiada	70,000

Perbelanjaan faedah merupakan perbelanjaan langsung dan bukan perbelanjaan bersama. Pembahagian perbelanjaan faedah yang boleh dibenarkan daripada setiap punca pendapatan pelaburan telah dikira berdasarkan kos setiap pelaburan.

Jumlah pendapatan kasar	RM600,000
Perbelanjaan bersama	RM250,000
Elaun modal bersama	RM80,000

Jumlah pendapatan Era Baru Bhd untuk tahun taksiran 2010 dikira seperti berikut:

	(RM)	(RM)	(RM)
I. Faedah kasar		200,000	
Tolak:			
Perbelanjaan faedah	160,000		
Perbelanjaan bersama			
$\frac{200,000}{600,000} \times 250,000$	<u>83,333</u>		
	243,333		
terhad	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	<u>Tiada</u>
	43,333 (diabaikan)		
Elaun modal bersama			
$\frac{200,000}{600,000} \times 80,000$	26,667	(diabaikan)	
II. Sewa kasar		tiada	
Tolak:			
Perbelanjaan faedah	70,000	(diabaikan)	
III. Dividen kasar		400,000	
Tolak:			
Perbelanjaan faedah	350,000		
Perbelanjaan bersama			
$\frac{400,000}{600,000} \times 250,000$	<u>166,667</u>		
	516,667		
terhad	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>	<u>Tiada</u>
	116,667 (diabaikan)		
Elaun modal bersama			
$\frac{400,000}{600,000} \times 80,000$	53,333	(diabaikan)	
Jumlah pendapatan			<u>Tiada</u>

(a) Baki perbelanjaan faedah dan perbelanjaan bersama sebanyak RM43,333 bagi punca faedah dan RM116,667 bagi punca dividen dan

*perbelanjaan faedah sebanyak RM70,000 bagi punca sewa yang tidak dapat diserap hendaklah diabaikan dan tidak boleh diserap oleh mana-mana punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.*

*(b) Elaun modal sebanyak RM26,667 yang tidak dapat diserap oleh punca faedah dan RM53,333 yang tidak dapat diserap oleh punca dividen juga tidak boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.*

- 9.4 Jika dalam suatu tahun taksiran, IHC tersenarai di Bursa Malaysia juga menjalankan aktiviti perniagaan (bukan sebagai aktiviti utama), maka apa-apa kerugian larasan daripada punca perniagaan tersebut diberi layanan biasa mengikut peruntukan subseksyen 43(2) dan 44(2) ACP. Oleh itu kerugian larasan daripada punca perniagaan tersebut bagi suatu tahun taksiran boleh ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun taksiran berkenaan. Apa-apa lebihan kerugian larasan yang tidak dapat diserap boleh dihantar hadapan dan ditolak daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan bagi tahun taksiran berikut.

**Contoh 14:**

Investment Link Bhd merupakan IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia. Bagi tahun taksiran 2010, pendapatan kasar yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan langsung (RM)
Fi pengurusan	200,000	350,000
Dividen	1,000,000	600,000
Faedah	300,000	150,000

Jumlah pendapatan kasar	RM1,500,000
Perbelanjaan bersama	RM250,000
Elaun modal bersama	RM200,000

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2011  
Tarikh Keluaran: 10 Mac 2011**

*Jumlah pendapatan Investment Link Bhd untuk tahun taksiran 2010 dikira seperti berikut :*

	(RM)	(RM)	(RM)
<i>I. Fi pengurusan kasar</i>		200,000	
<i>Tolak:</i>			
<i>Perbelanjaan langsung</i>	350,000		
<i>Perbelanjaan bersama</i>			
$\frac{200,000}{1,500,000} \times 250,000$	<u>33,333</u>		
	383,333		
<i>Terhad</i>	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	<i>Tiada</i>
<i>Kerugian perniagaan tahun semasa</i>	183,333		
<i>Elaun modal bersama di hantar hadapan</i>			
$\frac{200,000}{1,500,000} \times 200,000$	26,667		
 <i>II. Faedah kasar</i>		300,000	
<i>Tolak:</i>			
<i>Perbelanjaan langsung</i>	150,000		
<i>Perbelanjaan bersama</i>			
$\frac{300,000}{1,500,000} \times 250,000$	<u>50,000</u>	<u>200,000</u>	
<i>Pendapatan larasan faedah</i>		100,000	
<i>Tolak: Elaun modal bersama</i>			
$\frac{300,000}{1,500,000} \times 200,000$		<u>40,000</u>	60,000
 <i>III. Dividen kasar</i>		1,000,000	
<i>Tolak:</i>			
<i>Perbelanjaan langsung</i>	600,000		
<i>Perbelanjaan bersama</i>			
$\frac{1,000,000}{1,500,000} \times 250,000$	<u>166,667</u>	<u>766,667</u>	

<i>Pendapatan larasan dividen</i>	233,333	
<i>Tolak: Elaun modal bersama</i>		
$\frac{1,000,000}{1,500,000} \times 200,000$	<u>133,333</u>	<u>100,000</u>
<i>Pendapatan agregat</i>		160,000
<i>Tolak: Kerugian perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2)]</i>	183,333	
	<i>Terhad</i>	
	<u>160,000</u>	<u>160,000</u>
<i>Kerugian hantar hadapan</i>	23,333	
<i>Jumlah pendapatan</i>		<i>Tiada</i>

*Pendapatan berkanun daripada dividen yang diterima oleh Investment Link Bhd diberi layanan sebagai punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP. Oleh itu ia tidak dianggap sebahagian daripada jumlah pendapatan syarikat.*

*Elaun modal sebanyak RM26,667 yang tidak dapat diserap oleh fi pengurusan dan kerugian tahun semasa sebanyak RM23,333 yang tidak dapat diserap oleh pendapatan agregat boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.*

**Contoh 15:**

Resah Jaya Bhd merupakan IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia. Bagi tahun taksiran 2010, pendapatan kasar yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan langsung (RM)
Fi pengurusan	50,000	10,000
Faedah	200,000	220,000

Jumlah pendapatan kasar	RM250,000
Perbelanjaan bersama	RM40,000

*Jumlah pendapatan Resah Jaya Bhd untuk tahun taksiran 2010 dikira seperti berikut :*

	(RM)	(RM)	(RM)
I. <i>Fi pengurusan kasar</i>		50,000	
<i>Tolak:</i>			
<i>Perbelanjaan langsung</i>	10,000		
<i>Perbelanjaan bersama</i>			
<u>50,000</u> X 40,000	<u>8,000</u>	<u>18,000</u>	32,000
250,000			
II. <i>Faedah kasar</i>		200,000	
<i>Tolak:</i>			
<i>Perbelanjaan langsung</i>	220,000		
<i>Perbelanjaan bersama</i>			
<u>200,000</u> X 40,000	<u>32,000</u>		
250,000	252,000		
<i>Terhad</i>	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	<u>Tiada</u>
<i>Kerugian tahun semasa</i>	52,000 ( <i>diabaikan</i> )		
<i>Pendapatan agregat/Jumlah pendapatan</i>			<u>32,000</u>

*Baki perbelanjaan sebanyak RM52,000 bagi punca faedah tidak boleh ditolak daripada pendapatan agregat atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut.*

- 9.5 Peruntukan khas berhubung seksyen 60FA ACP menetapkan apa-apa kerugian larasan dan elaun di bawah Jadual 3 ACP yang dibawa hadapan dari tahun taksiran sebelum peruntukan seksyen 60FA ACP diperkenalkan (mulai tahun taksiran 2006) boleh diserap daripada punca-punca perniagaan bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran berikut mengikut seksyen 43 dan 44 dan perenggan 75, Jadual 3 ACP, yang mana berkaitan. Bagi tujuan pengiraan pendapatan berkanun daripada setiap punca perniagaan, elaun modal tahun semasa hendaklah ditolak daripada pendapatan larasan terlebih dahulu dan diikuti dengan elaun modal dibawa hadapan dari tahun taksiran sebelum.

**Contoh 16:**

Sinar Pelangi Bhd (SPB) tersenarai di Bursa Malaysia. SPB memulakan perniagaan sejak tahun 2003. SPB menerima pendapatan daripada sewa (perniagaan) dan dividen. SPB merupakan IHC dalam tahun 2006 kerana aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan dan pendapatan daripada

pemegangan pelaburan melebihi 80% daripada pendapatan kasar. Pengiraan cukai SPB bagi tahun taksiran 2005 menunjukkan kerugian larasan dihantar hadapan berjumlah RM800,000 dan elaun modal dihantar hadapan bagi punca sewa (perniagaan) berjumlah RM150,000.

Punca pendapatan, perbelanjaan langsung dan elaun modal bagi tahun taksiran 2006 adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan langsung (RM)	Elaun modal (RM)
Sewa	300,000	200,000	30,000
Dividen	1,000,000	300,000	10,000

Jumlah pendapatan SPB untuk tahun taksiran 2006 dikira seperti berikut:

	(RM)	(RM)	(RM)
I. Dividen kasar		1,000,000	
Tolak: Perbelanjaan langsung		<u>300,000</u>	
Pendapatan larasan dividen		700,000	
Tolak: Elaun modal tahun semasa		<u>10,000</u>	690,000
II. Sewa kasar		300,000	
Tolak: Perbelanjaan langsung		<u>200,000</u>	
Pendapatan larasan sewa		100,000	
Tolak: Elaun modal tahun semasa		<u>30,000</u>	
		70,000	
Elaun modal bawa hadapan	150,000		
Terhad	<u>70,000</u>	<u>70,000</u>	<u>tiada</u>
Elaun modal hantar hadapan	80,000		
Agregat pendapatan berkanun dividen dan sewa			690,000
Tolak: Rugi bawa hadapan	800,000		
Terhad	<u>690,000</u>		<u>690,000</u>
Rugi hantar hadapan	110,000		
Jumlah pendapatan			<u>Tiada</u>



- (a) Di bawah peruntukan khas, elaun modal RM150,000 di bawa dari tahun taksiran 2005 boleh ditolak daripada pendapatan larasan sewa dalam tahun taksiran 2006. Manakala kerugian larasan RM800,000 di bawa dari tahun taksiran 2005 boleh ditolak daripada agregat pendapatan berkanun dividen dan sewa.
- (b) Amaun elaun modal dan kerugian larasan dibawa hadapan yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2006 berjumlah RM80,000 dan RM110,000 masing-masing boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran berikut.

**Contoh 17:**

Fakta seperti dalam contoh 16 kecuali pendapatan kasar sewa bagi tahun taksiran 2006 adalah RM220,000.

Jumlah pendapatan SPB untuk tahun taksiran 2006 dikira seperti berikut:

	RM)	(RM)	(RM)
I. Dividen kasar		1,000,000	
Tolak: Perbelanjaan langsung		<u>300,000</u>	
Pendapatan larasan dividen		700,000	
Tolak: Elaun modal tahun semasa		<u>10,000</u>	690,000
II. Sewa kasar		220,000	
Tolak: Perbelanjaan langsung		<u>200,000</u>	
Pendapatan larasan sewa		20,000	
Tolak: Elaun modal tahun semasa	30,000		
Terhad	<u>20,000</u>	<u>20,000</u>	<u>tiada</u>
		10,000 (diabaikan)	
Elaun modal bawa hadapan	150,000		
Elaun modal hantar hadapan	150,000		
Agregat pendapatan berkanun dividen dan sewa			690,000
Tolak: Rugi bawa hadapan	800,000		
Terhad	<u>690,000</u>		<u>690,000</u>
Rugi hantar hadapan	110,000		
Jumlah pendapatan			<u>Tiada</u>

- (a) *Amaun elaun modal tahun semasa sebanyak RM10,000 yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2006 hendaklah diabaikan dan tidak boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran berikut.*
- (b) *Elaun modal dan kerugian larasan dibawa hadapan yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2006 berjumlah RM150,000 dan RM110,000 masing-masing boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran berikut*

**Contoh 18:**

Atria Bhd (Atria), syarikat pemajuan harta tersenarai di Bursa Malaysia memulakan perniagaan sejak tahun 1999. Atria menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Dalam tahun 2003 Atria telah memberhentikan aktiviti pemajuan harta dan hanya menerima pendapatan dividen dan faedah. Mulai tahun taksiran 2003, Atria tertakluk kepada seksyen 60F ACP.

Pengiraan cukai Atria bagi tahun taksiran 2002 menunjukkan kerugian larasan daripada perniagaan dihantar hadapan berjumlah RM750,000 dan elaun modal dihantar hadapan sebanyak RM450,000.

Dalam tahun taksiran 2006, Atria menerima pendapatan dividen RM1,500,000 dan sewa RM550,000.

*Kerugian larasan sejumlah RM750,000 dan elaun modal sejumlah RM450,000 dari tahun taksiran 2002 tidak boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran berikut sebab Atria telah menjadi IHC.*

*Mulai tahun taksiran 2006, layanan cukai di bawah seksyen 60FA ACP terpakai kepada Atria. Walau bagaimanapun peruntukan khas berhubung seksyen 60FA ACP seperti diterangkan di perenggan 9.5 Ketetapan ini tidak terpakai kepada Atria. Oleh itu kerugian larasan sejumlah RM750,000 dan elaun modal sejumlah RM450,000 dari tahun taksiran 2002 tidak boleh dihantar hadapan untuk diserap daripada punca perniagaan bagi tahun taksiran 2006 dan dan tahun-tahun taksiran berikut.*

- 9.6 Untuk tujuan seksyen 60FA ACP, sekiranya suatu IHC tersenarai di Bursa Malaysia bagi apa-apa tempoh dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, IHC tersebut dianggap sebagai IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia dalam tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut.

**Contoh 19:**

Ganda World Bhd, IHC tersenarai di Bursa Malaysia sejak 1.1.2005. Mulai 1.8.2010 syarikat telah tidak tersenarai atas sebab tertentu. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

*Walaupun syarikat telah tidak tersenarai di Bursa Malaysia mulai 1.8.2010, syarikat masih lagi dianggap IHC tersenarai untuk tahun taksiran 2010 dan seksyen 60FA ACP terpakai kepada syarikat untuk tahun taksiran tersebut.*

**Contoh 20:**

Dang Wangi Bhd, IHC yang menutup akaun pada 31 Disember telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada 1.9.2010.

*Walaupun syarikat baru tersenarai di Bursa Malaysia pada 1.9.2010, syarikat dianggap sebagai IHC tersenarai untuk tahun taksiran 2010 dan seksyen 60FA ACP terpakai kepada syarikat untuk tahun taksiran tersebut.*

**10. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri**

- 10.1 Sebagai peraturan am, elaun modal dan elaun bangunan dan industri diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh seseorang berhubung dengan aset yang digunakan untuk tujuan perniagaan. Sama ada pendapatan sewa daripada penyewaan harta tanah dianggap sebagai punca perniagaan seseorang bagi suatu tahun taksiran atau tidak adalah bergantung kepada keadaan dalam tempoh asas tahun untuk suatu tahun taksiran. Keadaan ini akan menentukan sama ada seseorang layak atau tidak elaun modal dan elaun bangunan industri bagi pendapatan sewa tersebut.
- 10.2 Di mana pendapatan sewa (daripada perniagaan pemegang pelaburan) diterima oleh syarikat daripada bangunan yang diberi layanan sebagai punca perniagaan dan elaun modal dan/atau elaun bangunan industri telah dituntut dan kemudian pendapatan sewa tersebut tidak lagi diberi layanan sebagai punca perniagaan disebabkan syarikat telah menjadi IHC dalam suatu tahun taksiran, syarikat tersebut tidak lagi layak menuntut elaun modal berhubung dengan loji dan jenteranya dalam suatu tahun taksiran.
- 10.3 Walau bagaimanapun, menurut perenggan 60 Jadual 3 ACP, syarikat tersebut masih layak menuntut elaun bangunan industri ke atas bangunan tersebut dengan syarat penyewa menggunakan bangunan tersebut sebagai bangunan industri

**11. Tarikh kuat kuasa**

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**